

**Jurnal Pengurusan  
JAWHAR**

Vol.12 No.2, 2018

**LEMBAGA EDITOR**

**Penasihat**

YBr. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman  
*Ketua Pengarah,  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)  
Jabatan Perdana Menteri*

**Ketua Editor**

Tuan Haji Jaafar bin Ismail  
*Timbalan Ketua Pengarah,  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*

**Sidang Editor**

En. Baitiyamin bin Mamat  
En. Mohd Azizan bin Abdullah  
Pn. Siti Zaida binti Mahmod  
Cik Julia binti Mohd Nasir  
*Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*

**Penerbitan**

Pn. Noraihan binti Sulaiman  
En. Ahmad Ariffin bin Jofferi  
*Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*

## JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

### KANDUNGAN

|                                                                                                                                                                                                                                    |         |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| <b>KATA ALUAN KETUA EDITOR</b>                                                                                                                                                                                                     | iii-vi  |
| <b>WAKAF PERUMAHAN ISLAM SEBAGAI INSTRUMEN KEWANGAN SOSIAL ISLAM DI MALAYSIA</b><br>Dr Mohd Faisol Ibrahim                                                                                                                         | 1-12    |
| <b>PERSEPSI PESAKIT TERHADAP PERANAN DANA ZAKAT MEMBIAYAI KOS RAWATAN PERUBATAN ASNAF: KAJIAN DI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PPUKM)</b><br>Nur Farahana Saripudin, Dr Hairunnizam Wahid, Dr Mohd Ali Mohd Noor | 13-38   |
| <b>DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN) : ANALISIS TERHADAP MAKANAN ASASI PADI &amp; BERAS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM</b><br>Dr Mohd Borhanuddin Zakaria, Juairiah Hasan, Wan Saifuldin Bin W Hasan, Ahmad Jazlan Bin Mat Jusoh            | 39-58   |
| <b>TRANSFORMASI PENGURUSAN JEMAAH HAJI MALAYSIA PASCA PEMBESARAN KOTA SUCI MEKAH 1439H: KAJIAN KES LEMBAGA URUSAN TABUNG HAJI (TH)</b><br>Muhamad Muhaimin Mohamad Zaki, Dr Jasni Sulong                                           | 59-83   |
| <b>POLISI AGIHAN ZAKAT DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W. DAN KHULAFAH RASHIDIN</b><br>Dr Mohd Soberi Awang, Dr Mohd Mahyeddin Mohd Salleh                                                                                                 | 84-100  |
| <b>GOLONGAN LGBT SEBAGAI PENERIMA ZAKAT MENURUT KONTEKS MASLAHAH</b><br>Dr Azman Ab Rahman, Dr Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Dr Muhamad Firdaus Ab Rahman, Dr Ahmad Syukran Baharuddin                                           | 101-113 |
| <b>SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR</b>                                                                                                                                                                           | 114-115 |

## KATA ALUAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.12, No.2 2018 ini. Penerbitan jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan dan memantapkan kefahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras di bawah seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi enam penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh *Mohd Faisol Ibrahim* yang bertajuk Wakaf Perumahan Islam Sebagai Instrumen Kewangan Sosial Islam Di Malaysia. Artikel ini membincangkan kajian yang dibuat mengenai produk pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia termasuk pembiayaan hutang dan ekuiti bagi membentuk wakaf perumahan Islam sebagai instrumen kewangan sosial Islam baharu di Malaysia. Kajian ini juga akan memfokuskan aplikasi wakaf tunai semasa untuk dijadikan alat membentuk wakaf perumahan Islam di Malaysia. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian menunjukkan wakaf perumahan Islam dapat dilaksanakan di Malaysia melalui gabungan bersama dengan wakaf tunai dan institusi perbankan Islam mampu menjadikan wakaf perumahan Islam ini sebagai produk baharu mereka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri.

Artikel kedua yang bertajuk Persepsi Pesakit Terhadap Peranan Dana Zakat Membiayai Kos Rawatan Perubatan Asnaf: Kajian Di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) yang ditulis oleh Nur Farahana Saripudin, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor. Artikel mereka adalah mengenai kajian kefahaman dan pengetahuan golongan fakir dan miskin dan masyarakat Islam terutamanya yang mendapat rawatan di Pusat Perubatan atau hospital. Ia menghuraikan sejauhmana kefahaman golongan-golongan ini terhadap kewujudan tabung zakat perubatan dan adakah asnaf telah mendapat manfaat daripada dana zakat perubatan ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pesakit

terhadap kewujudan, peranan dan proses agihan zakat perubatan kepada asnaf melalui tabung dana zakat perubatan.

Artikel ketiga pula merupakan kertas kerja yang ditulis oleh Dr Mohd Borhanuddin bin Zakaria, Juairiah binti Hasan, Wan Saifuldin Bin W Hasan, Ahmad Jazlan Bin Mat Jusoh. Artikel ini ditulis bertujuan untuk meneliti keperluan bekalan makanan asasi padi dan beras mengikut perspektif Islam. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan, data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen seperti laporan-laporan rasmi, surat pekeliling, laporan tahunan, laporan jabatan, rancangan kewangan, laporan agensi, dan transkrip. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *fiqh awlawiyyah* dalam meningkatkan kualiti makanan, pendapatan negara, menekankan produk pemakanan yang *halal* dan bersih.

Artikel keempat yang bertajuk Transformasi Pengurusan Jemaah Haji Malaysia Pasca Pembesaran Kota Suci Mekah 1439h<sup>1</sup>: Kajian Kes Lembaga Urusan Tabung Haji (TH) telah ditulis pula oleh Muhammad Muhaimin bin Mohamad Zaki dan Jasni Sulong. Pengurusan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci perlulah melalui penambahbaikan dari semasa ke semasa sesuai dengan pengiktiran yang diberikan oleh pihak berkuasa Arab Saudi kepada Lembaga Urusan Tabung Haji (TH). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah transformasi yang dilakukan oleh TH terutamanya di lokasi-lokasi strategik di dua tanah suci bagi keselesaan dan kemudahan jemaah haji Malaysia. Temu bual dijalankan kepada pihak pengurusan TH di Tanah Suci di samping mendapatkan data daripada kajian lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat berbagai transformasi yang dilakukan oleh TH bagi meningkatkan kepuasan jemaah haji serta memudahkan urusan mereka sewaktu menunaikan rukun Islam ke lima. Hasil kajian ini penting bagi terutamanya kepada institusi berwajib yang terlibat secara langsung dengan pengurusan haji untuk mendapatkan gambaran keseluruhan suasana sebenar semasa pelaksanaan pengurusan ibadat haji

Artikel kelima bertajuk Polisi Agihan Zakat Di Zaman Rasulullah S.A.W Dan Khulafa' Rashidin dihasilkan oleh Dr Mohd Soberi bin Awang dan Dr Mohd Mahyeddin bin Salleh. Artikel ini bertujuan menganalisis polisi agihan zakat yang dilakukan pada zaman Rasulullah S.A.W. dan Khulafa' Rasyidin. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap karya-karya asal penulisan fukaha silam. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua fasa agihan pada zaman Rasulullah S.A.W. iaitu sebelum hijrah dan selepas hijrah. Fasa agihan sebelum hijrah melibatkan agihan tanpa ikatan kadar yang spesifik, sebaliknya ia terserah kepada kekuatan iman dan keakraban hubungan sesama Muslim. Manakala agihan selepas hijrah pada peringkat awalnya adalah berdasarkan ijtihad baginda S.A.W. Hal ini adalah sebelum turunnya ayat 60 daripada surah al-Taubah, yang mana melalui ayat ini Allah telah memperincikan golongan yang layak menerima zakat yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh umat Islam. Kajian ini boleh dijadikan batu asas bagi menyemarakkan lagi keberkesanan agihan pada zaman moden bagi kemaslahatan umat Islam.

Artikel keenam pula bertajuk Golongan LGBT Sebagai Penerima Zakat Menurut Konteks Masalah telah ditulis oleh Azman Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman dan Ahmad Syukran Baharuddin. objektif kajian ini adalah untuk melihat sama ada golongan LGBT layak untuk menerima zakat menurut perspektif *masalah*. Kajian ini juga turut membawakan diskusi kefatwaan yang terkait dengan isu ini dengan menggunapakai kaedah penyelidikan yang digunakan secara konsisten. Hasil kajian juga mendapati wujud ruang bagi golongan LGBT di Malaysia untuk dikategorikan dalam asnaf *riqab* berdasarkan demi mencapai *masalah* dan menghindari *mafsadah*. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri dalam melihat semula kelayakan golongan LGBT sebagai penerima zakat.

Kesemua penulisan dalam jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan oleh pakar-pakar bidang teras JAWHAR yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR turut mengambil kesempatan untuk

mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH SWT jua hendaknya.

# **PERSEPSI PESAKIT TERHADAP PERANAN DANA ZAKAT MEMBIAYAI KOS RAWATAN PERUBATAN ASNAF: KAJIAN DI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PPUKM)**

*Oleh;*

Nur Farahana Saripudin<sup>1</sup>

Hairunnizam Wahid<sup>2</sup>

Mohd Ali Mohd Noor<sup>3</sup>

Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, UKM

## **ABSTRAK**

Aspek kesihatan dan penjagaan kesihatan merupakan satu perkara penting dalam kehidupan manusia. Namun begitu, keadaan semasa menunjukkan kos rawatan dan perubatan serta kos penjagaan kesihatan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun yang akhirnya akan membebankan masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin. Oleh sebab itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan golongan fakir dan miskin dapat menikmati kos pembiayaan perubatan yang rendah untuk memastikan golongan tersebut mendapat rawatan yang terbaik dengan kos rawatan yang rendah. Salah satu sumber dana pembiayaan ini adalah melalui dana agihan zakat secara khususnya kepada asnaf yang dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin* perubatan. Di Selangor, pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memudahkan proses pengagihan zakat kategori ini dalam bentuk penyediaan satu tabung dana zakat untuk pembiayaan kos rawatan terhadap asnaf zakat *al-gharimin* perubatan di hospital terpilih dan dana ini akan diuruskan oleh pegawai perubatan dihospital berkenaan. Persoalannya sejauhmanakah masyarakat Islam terutamanya pesakit yang mendapat rawatan di PPUKM mengetahui kewujudan tabung zakat

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM: Emel: farahanasaripudin42@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. Emel: hairun@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. Emel: ali@ukm.edu.my

perubatan ini dan adakah asnaf telah mendapat manfaat daripada dana zakat perubatan ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pesakit terhadap kewujudan, peranan dan proses agihan zakat perubatan kepada asnaf melalui tabung dana zakat perubatan. Kajian ini telah memilih Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) sebagai hospital yang telah melaksanakan program ini. Data dan maklumat diperoleh daripada temu bual secara semi struktur dengan pegawai perubatan serta beberapa orang pesakit yang mendapatkan rawatan di PPUKM yang dipilih melalui teknik pensampelan secara rawak. Hasil kajian mendapati sebahagian besar pesakit tidak mengetahui tentang kewujudan bantuan zakat perubatan di PPUKM. Namun begitu maklumbalas daripada pegawai perubatan mendapati jumlah dana tabung zakat perubatan ini adalah tidak mencukupi walaupun ramai pesakit tidak mengetahuinya. Beberapa cadangan serta implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: Pesakit PPUKM, asnaf *al-gharimin* perubatan, tabung zakat perubatan, PPUKM

KLASIFIKASI JEL: Z12, I3, I18

## PENGENALAN

Zakat merupakan perintah Allah SWT yang wajib kita tunaikan setelah cukup syarat-syaratnya. Kewajipan zakat ini banyak disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis yang jelas menunjukkan kepada kita bahawa ibadah zakat seiring dengan kewajipan-kewajipan yang lain yang mesti diyakini oleh umat Islam. Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 110 bermaksud:

*‘Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Dan apa saja kebaikan yang kamu usahakan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya pada sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan’.*

Terdapat pelbagai jenis bantuan zakat yang diberikan kepada pemohon antaranya bantuan kewangan bulanan, modal perniagaan, modal

penternakan, pengurusan jenazah tanpa waris, bantuan kos perubatan dan sebagainya. Namun kajian ini akan membincangkan mengenai bantuan zakat daripada aspek perubatan. Zakat perubatan merupakan zakat yang diberikan kepada pesakit yang tidak mampu membayar kos perbelanjaan rawatan. Objektif utama pusat zakat ialah membantu meringankan beban golongan fakir dan miskin yang tidak mampu bagi menampung pembiayaan kos perubatan samada di pusat perubatan kerajaan ataupun swasta. Zakat perubatan boleh dimohon secara terus di pusat zakat dan hospital. Zakat perubatan hanya terhad diberikan kepada golongan asnaf *al-gharimin* sahaja.

Menurut institusi zakat Selangor, asnaf *al-gharimin* ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungan atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan dengan syarat orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya. Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak. Hutang telah sampai tempoh untuk dijelaskan ("Lembaga Zakat Selangor," 2013).

Peningkatan kos perubatan telah menyebabkan ramai asnaf telah membuat permohonan di pusat zakat. Keadaan ini telah menyukarkan pihak zakat untuk menyaring pemohon yang benar-benar layak untuk menerima bantuan. Oleh itu, inisiatif yang telah diambil ialah menyalurkan sebahagian dana bantuan zakat kepada hospital di seluruh Malaysia. Peruntukan ini diberi dengan kadar yang mencukupi sesuai dengan keadaan ekonomi, tempat dan keperluan sebenar asnaf tersebut. Berdasarkan laporan tahunan zakat Selangor 2016 perbelanjaan untuk menyelesaikan masalah perubatan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 52 juta dan meningkat pada tahun 2016 sebanyak RM 69 juta. Hal ini menunjukkan bidang perubatan merupakan salah satu aspek yang amat dititikberatkan dalam institusi zakat untuk memudahkan fakir dan miskin menerima rawatan.

**JADUAL 1:** Jumlah Dana Zakat Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan di PPUKM Tahun 2010 Hingga 2017


| Tahun  | Institusi Zakat |            |
|--------|-----------------|------------|
|        | LZS (RM)        | MAIWP (RM) |
| 2010   | 60,000          | 250,000    |
| 2011   | 63,000          | 250,000    |
| 2012   | 100,000         | 250,000    |
| 2013   | 200,000         | 250,000    |
| 2014   | 100,000         | 300,000    |
| 2015   | 100,000         | 150,000    |
| 2016   | 100,000         | 150,000    |
| 2017   | 200,000         | 200,000    |
| Jumlah | 1,122,800       | 2,000,800  |

**Sumber:** temubual bersama pegawai JKSP

Untuk PPUKM agihan dana zakat perubatan yang diterima berbeza setiap tahun bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh LZS dan MAIWP. Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan jumlah dana zakat LZS dan MAIWP di PPUKM pada tahun 2010 hingga 2017. Pada tahun 2016 menunjukan jumlah dana zakat yang diterima dari LZS ialah RM 100,000 dan meningkat sebanyak RM 100,000 menjadikan pada tahun 2017 sebanyak RM 200,000. Manakala dana zakat yang diterima dari MAIWP pada tahun 2016 sebanyak RM 150,000 dan kenaikan RM 50,000 menjadikan pada tahun 2017 RM 200,000. Dana yang diberi akan diuruskan oleh pihak Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP).

JKSP bertanggungjawab memainkan peranan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Bantuan diberikan kepada pesakit-pesakit asnaf yang menerima rawatan di PPUKM melalui kaedah rujukan daripada Pegawai Perubatan, di klinik-klinik dan wad-wad, Jabatan Pemulihan Perubatan, Unit Hasil dan Taksiran dan Jabatan Kewangan. Perkhidmatan yang diberikan meliputi penilaian psikososial/sosioekonomi, perundingan kemudahan komuniti, intervensi krisis, dan rujukan ke sumber komuniti

bagi bantuan praktikal. Jenis bantuan yang diberikan ialah bantuan untuk pembiayaan kos rawatan, peralatan dan ubat-ubatan. JKSP bertanggungjawab menguruskan pelbagai dana bantuan yang diterima seperti dana Tabung bantuan perubatan Malaysia (TBP), Tabung kebajikan pesakit PPUKM, institusi zakat MAIWP dan LZS, SAHABAT PPUKM, UEM Group Berhad, Tabung Lion Group, Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM), Media Prima, Buddhist Tzu Chi, Majlis kanser Negara (MAKNA), dan tabung kebajikan pesakit PPUKM (TKPPPUKM). Setiap dana yang diperolehi akan diagihkan kepada asnaf mengikut jenis keperluan perubatan dengan nasihat pakar perubatan. Bantuan kewangan yang diterima adalah berbentuk wang tunai, cek, *postal order*, *money order* dan kiriman pos.



**RAJAH 1:** prosedur permohonan bantuan dana zakat perubatan PPUKM

**Sumber:** temubual bersama pegawai JKSP

Rajah 1 menunjukkan prosedur yang perlu dilalui oleh pesakit di PPUKM. Prosedur pertama ialah pesakit asnaf akan dikenal pasti oleh doktor. Pesakit yang mengalami masalah kesihatan akan berjumpa doktor bagi mendapatkan pengesahan penyakit yang dihadapi, jenis rawatan yang perlu dilalui, tempoh rawatan, ubat-ubatan serta kos rawatan yang diperlukan. Setelah pesakit dirawat, doktor akan menilai samada mereka mampu atau tidak untuk menampung kos rawatan. Bagi pesakit yang memerlukan bantuan kewangan, laporan kesihatan akan disediakan dan dirujuk oleh doktor kepada JKSP secepat mungkin bagi mendapatkan bantuan kewangan kepada pesakit. Prosedur kedua ialah pesakit membuat permohonan bantuan zakat. Pesakit hanya perlu ke pejabat JKSP untuk mengisi borang permohonan dan memberikan maklumat sosio ekonomi seperti status pekerjaan, pendapatan isi rumah, tanggungan dan lain-lain kepada pegawai JKSP. Ketiga, penilaian kelayakan. Maklumat sosio ekonomi yang diterima akan dinilai dan diteliti

untuk kelayakan asnaf samada menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan LZS dan MAIWP. Di dalam proses penilaian ini JKSP bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat penilaian sosio ekonomi pesakit seperti status pekerjaan, jumlah pendapatan, umur, had kifayah, tanggungan pesakit dan sebagainya. Proses penilaian kelayakan ini akan dijalankan dengan teliti dan berhemah disamping memastikan keadilan berlaku kepada pesakit dan juga dana zakat kerana ia melibatkan duit zakat yang merupakan amanah daripada pembayar zakat untuk diagihkan hanya kepada asnaf yang layak.

Keempat proses kelulusan oleh JKSP. Kelulusan sesuatu permohonan akan mengambil masa selama sehari hingga dua minggu. Bergantung kepada maklumat permohonan yang lengkap. Setelah melalui proses penilaian, laporan tersebut akan diserahkan kepada pegawai kanan JKSP untuk semakan semula. Pegawai tersebut akan memastikan pesakit memberikan maklumat yang benar serta layak menerima bantuan zakat perubatan. Akhirnya, borang permohonan akan diserahkan kepada ketua JKSP bagi mendapatkan kelulusan bantuan. Kuasa meluluskan permohonan hanya diperuntukkan kepada ketua JKSP. Proses kelulusan yang cepat memudahkan pesakit menerima rawatan dengan cepat, baik dan berkesan. Bantuan maksimum yang akan diberikan kepada pesakit ialah RM15, 000 setahun. Ada sebahagian pesakit akan berkongsi pembayaran kos perubatan dengan jumlah peratusan yang kecil dan ada sebahagian pesakit akan diberikan rawatan percuma bergantung kepada sosio ekonomi dan rawatan yang akan dilalui pesakit.

Namun begitu, ketika soal selidik dilakukan ramai pesakit tidak mengetahui akan kewujudan bantuan yang wujud di hospital. Tahap pengetahuan pesakit mengenai bantuan hospital terutama dana zakat perubatan ini masih rendah. Terdapat banyak berita di media sosial menunjukkan pesakit memohon bantuan sumbangan daripada masyarakat luar. Hal ini adalah kerana mereka kurang pengetahuan mengenai bantuan yang ada di hospital. Malah kajian mengenai tahap pengetahuan mengenai bantuan hospital, isu peranan, proses dan keberkesanan agihan zakat perubatan kepada asnaf melalui tabung dana zakat perubatan masih belum dibincangkan secara terperinci. Kajian ini penting untuk menghebahkan kepada masyarakat luar mengenai zakat perubatan yang telah wujud di hospital yang dapat membantu meringankan bebanan asnaf.

Kajian lepas juga tidak banyak membincangkan secara meluas berkaitan persepsi pesakit mengenai bantuan dana zakat perubatan menyebabkan maklumat mengenai bantuan dana zakat perubatan tidak diperluas. Justeru itu, tiga objektif utama kajian ini iaitu; (1) mengkaji tahap pengetahuan pesakit terhadap tabung bantuan zakat perubatan dan respon pesakit terhadap kewujudan tabung; (2) mengkaji maklumbalas pesakit terhadap tabung perubatan di PPUKM dan (3) mengkaji maklumbalas pesakit yang telah menerima bantuan zakat perubatan.

Kedudukan hospital bukan sahaja dilihat sebagai institusi untuk memberi rawatan kepada pesakit malah sebagai institusi pembentukan dan penyatuan umat Islam dengan pemberian zakat perubatan kepada pihak yang memerlukan. Oleh itu, dapat dilihat zakat memainkan peranan yang penting untuk mereka yang memerlukan bantuan bagi menampung pembiayaan kos perubatan. Hasil kajian ini diharap akan dapat meningkatkan keyakinan pembayar zakat untuk terus membayar zakat kepada institusi zakat secara formal. Hal ini adalah kerana dapat meningkatkan kutipan zakat dan dapat membantu lebih ramai pihak yang memerlukan.

## KAJIAN LEPAS

Kewajipan berzakat adalah fardhu ain ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat wajib. Oleh itu, seseorang muslim yang mengingkari kefardhuan zakat boleh mengakibatkan murtad. Pengertian zakat menurut Mila Sartika (2008) dari segi bahasa membawa maksud merupakan kata terbitan dari kalimah ( زَكَّى ) bermaksud suci dan subur, termasuklah bersih, berkat, berkembang, dan baik kepada harta zakat, pembayar zakat, dan penerima zakat<sup>4</sup>. Manakala dari segi istilah Zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu.<sup>5</sup> Sebagaimana firman Allah mengenai Kewajipan zakat dalam Surah An-Nur (ayat 56)

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat”*

<sup>4</sup> Lembaga Zakat Selangor, ‘pengertian zakat’, <http://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/pengertian-zakat/>, dicapai pada 13 Julai 2018

<sup>5</sup> Ibid.

Menurut Ahmad Hidayat (2000) telah menyatakan bahawa al-Quran dan al-Hadith telah mentapkan bahawa asas pengurusan zakat adalah bersikap telus dan adil dalam mengagihkan kepada mereka yang memerlukan. Disamping itu, mereka harus berpengetahuan dan berkelayakan dalam menguruskan zakat bagi menggalakkan masyarakat terus membayar zakat. Imtiaz (2000) juga berpendapat bahawa pengurusan zakat perlu diuruskan oleh mereka yang dipercayai, berkelayakan dan mempunyai kemahiran untuk mengurus dana zakat.

Kesedaran masyarakat untuk membayar zakat secara formal meningkat saban tahun. Hal ini dapat dibuktikan melalui laporan tahunan pengurusan lembaga zakat Selangor 2017, jumlah kutipan pada tahun 2013 sebanyak RM 517 juta dan telah meningkat kepada RM582 juta pada tahun 2014. Peningkatan jumlah kutipan zakat dapat dilihat pada 2015 dengan jumlah sebanyak RM 627 juta dan pada tahun seterusnya RM 673 juta. Pada tahun 2017 pula menunjukkan jumlah peningkatan yang sangat drastik menjadikan jumlah kutipan zakat sebanyak RM 757 juta dan untuk tahun seterusnya peningkatan jumlah kutipan zakat akan terus berlaku. Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor kaedah pembayaran yang lebih mudah iaitu pembayaran secara atas talian (Mohamad Idham et.al, 2013). Di samping itu dengan kewujudan kaunter van bergerak yang ada di kebanyakan kawasan amat memudahkan masyarakat untuk membayar zakat. Peningkatan jumlah zakat ini menunjukkan pembayar zakat masih lagi membayar zakat secara formal. Kenyataan ini disokong oleh kajian Sanep (2005) menyatakan bahawa masyarakat masih lagi membayar zakat secara formal dan semakin berpuas hati terhadap pengurusan pusat zakat.

Peningkatan jumlah kutipan zakat akan memberi kelebihan kepada asnaf dimana pelbagai bentuk bantuan zakat akan diberikan. Antara bentuk bantuan yang diberikan ialah zakat perubatan yang memainkan peranan untuk mengurangkan kos pembiayaan rawatan pesakit. Mohamed (2007) mencadangkan dana zakat digunakan sebagai sumber kewangan utama untuk membiayai kos rawatan pesakit miskin. Sebagai tambahan Suhaib (2009) mencadangkan agar dana zakat digunakan untuk menubuhkan farmasi di pelbagai lokaliti berbeza dengan menyediakan rawatan kesihatan yang percuma atau bayaran minimum. Perkhidmatan doktor sukarela atau doktor yang mengenakan caj minimum juga perlu disediakan oleh institusi

zakat dan Baitul Mal untuk membantu pesakit yang memerlukan. Kini, hospital juga turut mengagihkan zakat perubatan yang diterima daripada pusat zakat kepada fakir, miskin, muallaf dan gharimin yang memerlukan bantuan perubatan.

Peningkatan kos perubatan telah menyebabkan ramai dalam kalangan rakyat Malaysia telah membuat permohonan bantuan perubatan. Dana zakat di Malaysia diuruskan oleh institusi-institusi zakat. Daripada kajian-kajian lepas, tiada kajian yang mengkaji aspek zakat *al-gharimin* perubatan secara khusus di hospital dan pengetahuan masyarakat mengenai zakat perubatan. Kajian Muhammad Hafiz et.al, (2017) menunjukkan keberkesanan agihan zakat perubatan oleh LZS dan MAIWP telah berjaya mengagihkan zakat secara khusus kepada pesakit yang mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL). Pelaksanaan prosedur yang efisien dan mudah dapat membantu mengurangkan karenah birokrasi dan pelaksanaan model lokalisasi pengagihan zakat perubatan dapat meningkatkan tahap keyakinan kepada pembayar zakat untuk membayar zakat secara formal. Menurut Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2012) kaedah lokalisasi perlu diperkasakan. Hal ini dapat memastikan pengurusan zakat menjadi cekap dan efisien. Konsep lokalisasi atau penyetempatan pengagihan zakat berlaku dimana kuasa kutipan dan agihan zakat yang diperuntukan kepada pusat pengurusan zakat dijalankan dalam lokaliti atau kawasan yang tertentu (Muhammad Syukri, 2006).

Kajian lain daripada Mohd Yusof et.al, (2016) menunjukkan peranan Bank Rakyat dalam mengagihkan zakat perubatan kepada asnaf zakat. Kerjasama pengagihan zakat oleh institusi zakat dan bank rakyat telah memberi kesan yang positif. Pelaksanaan kaedah lokalisasi iaitu adanya penurunan kuasa atau desentralisasi kepada setiap daerah atau kampung yang mana lebih dekat dengan masyarakat setempat dan lebih mengenali asnaf yang layak mendapatkan bantuan zakat menjadikan pengagihan zakat kepada asnaf menjadi lebih tertumpu, adil dan cekap.

Kajian Aliah et.al, (2017) mengkaji persepsi asnaf zakat *al-gharimin* (perubatan) terhadap agihan zakat oleh lembaga zakat Selangor: kajian di Gombak, Selangor. Hasil kajian mendapati pengagihan zakat kepada

golongan al-gharimin oleh LZS sangat efisien dan tahap kepuasan asnaf yang menerima sangat baik. Namun begitu, kajian ini berbeza kerana mengkaji secara khusus persepsi pesakit terhadap pengetahuan zakat perubatan dan peranan dana zakat dalam membiayai kos rawatan perubatan di PPUKM.

## METODOLOGI KAJIAN

**Kaedah pensampelan:** Terdapat dua kaedah digunapakai bagi menjalankan kajian ini. Bagi mendapatkan data, pengedaran soal selidik dan temubual telah dijalankan. Pensampelan secara rawak berkelompok dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada 27 orang individu yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Responden merupakan pesakit kronik seperti penyakit jantung koronari, *systemic lupus erythematosus*, limfoma, dan sebagainya di PPUKM yang mendapatkan rawatan perubatan dua hingga lima kali dalam tempoh sebulan. Borang soal selidik telah diedarkan selama seminggu kepada pesakit yang berpotensi untuk menjawab soalan. Borang soal selidik mempunyai 5 bahagian iaitu Bahagian A mengenai latar belakang responden, Bahagian B mengenai pengetahuan mengenai zakat perubatan, Bahagian C maklumat responden yang menerima dan tidak menerima zakat perubatan. Akhir sekali Bahagian D cadangan penambahbaikan, jenis bantuan dan dana yang diperlukan oleh pesakit. Terdahulu, temu bual secara semi struktur dengan ketua pegawai jabatan kerja sosial perubatan, Puan Suraiyah Harun pada 13 Mac 2018 bertujuan mendapatkan maklumat dan penjelasan yang lebih jelas akan pelaksanaan tabung Zakat perubatan di PPUKM.

**Kaedah Analisis Data:** Kajian ini menggunakan analisis secara diskriptif yakni menggunakan nilai min bagi setiap soalan. Kesemua soalan adalah berbentuk skala likert bernilai 1 iaitu tidak setuju hingga 3 iaitu sangat setuju. Menerusi analisis ini, jadual 3 menunjukkan maklumbalas responden terhadap pengetahuan mengenai zakat perubatan di PPUKM. Manakala jadual 4 menunjukkan respon pesakit terhadap kewujudan tabung bantuan dana zakat perubatan di PPUKM. Interpretasi min yang digunapakai oleh kajian ini pada jadual 4 pula diadaptasi daripada kajian Bahril B. Balli dan Wahid Razzaly (2010) dan telah diubah suai mengikut kesesuaian dalam kajian ini yang menggunakan tiga skala

tahap persetujuan sahaja iaitu skala tahap persetujuan yakni  $< 1.44$  adalah rendah,  $1.45-2.28$  adalah sederhana dan akhir sekali  $>2.29$  adalah tinggi.

## HASIL KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden seramai 27 orang. Responden yang terlibat majoritinya adalah berjantina perempuan yakni sebanyak 66.67 peratus dari jumlah responden. Seramai 17 orang daripada responden sudah berkahwin dan selebihnya masih bujang. Rata-rata responden yang menjawab soal selidik ini adalah mereka yang bertaraf pendidikan STPM/STAM/Diploma iaitu sebanyak 37.04 peratus dari jumlah responden. Kajian ini juga mendapati responden mempunyai pelbagai latar belakang dalam sektor pekerjaan. Sebahagian besar daripada responden adalah kakitangan swasta iaitu seramai lapan orang daripada 27 orang responden. Seramai tujuh orang responden yang bekerja di sektor kerajaan dan seorang responden bekerja sendiri. Lima orang tidak bekerja dan enam adalah pelajar. Responden yang tidak bekerja adalah mereka yang sudah tamat perkhidmatan, pelajar dan tidak mampu untuk bekerja kerana penyakit kronik yang dihadapi. Dapat dilihat juga lingkungan pendapatan para responden antara RM0 hingga RM900 paling ramai seramai 11 orang dengan 40.74 peratus daripada jumlah responden terdiri dalam kalangan pelajar dan tidak bekerja. Manakala pendapatan RM3,100 hingga RM3,860 seramai tujuh orang dengan peratusan sebanyak 25.93.

**JADUAL 2:** Latar Belakang Responden

| Item                            | Bilangan | Peratusan (%) |
|---------------------------------|----------|---------------|
| <i>Jantina</i>                  |          |               |
| Lelaki                          | 9        | 32.14         |
| Perempuan                       | 19       | 67.86         |
| <i>Status</i>                   |          |               |
| Bujang                          | 10       | 35.71         |
| Berkahwin                       | 18       | 64.29         |
| <i>Taraf Pendidikan</i>         |          |               |
| SRP/PMR                         | 4        | 14.29         |
| SPM                             | 4        | 14.29         |
| STPM/STAM/ Diploma              | 11       | 39.28         |
| Ijazah Sarjana Muda dan ke atas | 9        | 32.14         |
| <i>Sektor Pekerjaan</i>         |          |               |
| Kakitangan Awam                 | 7        | 25.00         |
| Kakitangan Swasta               | 8        | 28.57         |
| Bekerja Sendiri                 | 1        | 3.57          |
| Tidak Bekerja                   | 6        | 21.43         |
| Pelajar                         | 6        | 21.43         |
| <i>Pendapatan Isi Rumah</i>     |          |               |
| RM 0-900                        | 12       | 42.86         |
| RM 1000-1800                    | 2        | 7.14          |
| RM 1900-2500                    | 4        | 14.29         |
| RM 2600-3000                    | 3        | 10.71         |
| RM 3100-3860                    |          | 25.00         |

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik

**Tahap pengetahuan pesakit terhadap bantuan dana zakat perubatan:**

Jadual 3 menunjukkan maklumbalas responden terhadap pengetahuan mengenai zakat perubatan di PPUKM. Seramai 26 orang responden tidak mengetahui mengenai zakat perubatan dengan peratusan sebanyak 96.3 peratus. Manakala seorang responden mengetahui dan menerima bantuan zakat perubatan. Menerusi soal selidik yang dijalankan, pernyataan skor 1 sebagai mewakili tidak setuju, skor 2 mewakili setuju dan skor 3 mewakili sangat setuju. Jadual 4 menunjukkan respon pesakit terhadap kewujudan tabung bantuan zakat perubatan di PPUKM. Soalan yang dikemukakan adalah bersifat am mengenai bantuan zakat dan zakat perubatan di PPUKM. Antara persoalan yang dikemukakan ialah pernah menerima bantuan zakat perubatan, pesakit amat memerlukan bantuan zakat, mengetahui akan kewujudan zakat perubatan, menerima sumbangan dari agensi atau individu lain, memohon bantuan terus dari pusat zakat dan perspektif positif mengenai agihan zakat.

**JADUAL 3:** Maklum Balas Responden Terhadap Pengetahuan Mengenai Zakat Perubatan Di PPUKM

|                                               | Ya          | Tidak         | Jumlah Responden |
|-----------------------------------------------|-------------|---------------|------------------|
| Pengetahuan mengenai zakat perubatan di PPUKM | 1<br>(3.6%) | 27<br>(96.4%) | 28<br>(100%)     |

Nota: ( ) peratusan daripada keseluruhan responden

**Sumber:** Maklumat temubual

Respon responden terhadap pesakit amat memerlukan bantuan dana zakat di tahap tinggi dengan skor min 2.41, seramai 44.44 peratus sangat setuju, 51.9 peratus setuju dan 3.7 peratus tidak setuju. Data ini menunjukkan pesakit memerlukan bantuan kewangan bagi menampung kos pembiayaan rawatan di hospital. Manakala respon pesakit terhadap soalan mengenai pernah menerima bantuan zakat perubatan, mengetahui akan kewujudan zakat perubatan PPUKM dan memohon bantuan terus dari pusat zakat dan jabatan kebajikan masyarakat masing-masing berkongsi skor min yang sama iaitu 1.04 dan di tahap rendah dimana seramai 26 orang responden tidak bersetuju dan seorang bersetuju. Kebanyakan pesakit tidak mengetahui mengenai zakat perubatan. Oleh itu, mereka tidak pernah membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan dana zakat perubatan. Respon mengenai menerima sumbangan dari agensi individu lain juga berada di tahap rendah dengan skor min sebanyak 1.11 dengan respon tidak setuju sebanyak 88.9 peratus dan 11.1 peratus setuju. Manakala, respon pesakit terhadap perspektif positif mengenai agihan zakat berada di tahap rendah. Skor min yang diperoleh ialah 1.41. Purata min yang diperoleh bagi respon pesakit terhadap kewujudan tabung dana zakat perubatan ialah 1.40 dan berada di tahap rendah. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan pesakit masih rendah mengenai kewujudan tabung zakat perubatan yang wujud di PPUKM.

**JADUAL 4:** Respon Pesakit Terhadap Kewujudan Tabung Bantuan Zakat Perubatan Di PPUKM

| No  | Item Soalan                                                             | Tidak setuju | Setuju       | Sangat setuju | Skor Min | Tahap <sup>1</sup> |
|-----|-------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|---------------|----------|--------------------|
| 1   | Pernah menerima bantuan zakat perubatan                                 | 26<br>(96.3) | 1<br>(3.7)   | 0<br>(0)      | 1.04     | Rendah             |
| 2   | Pesakit amat memerlukan bantuan dana zakat                              | 1<br>(3.7)   | 14<br>(51.9) | 12<br>(44.4)  | 2.41     | Tinggi             |
| 3   | Mengetahui akan kewujudan zakat perubatan di PPUKM                      | 26<br>(96.3) | 1<br>(3.7)   | 0<br>(0)      | 1.04     | Rendah             |
| 4   | Menerima sumbangan dari agensi atau individu lain                       | 24<br>(88.9) | 3<br>(11.1)  | 0<br>(0)      | 1.11     | Rendah             |
| 5   | Memohon bantuan terus dari pusat zakat dan jabatan kebajikan masyarakat | 26<br>(96.3) | 1<br>(3.7)   | 0<br>(0)      | 1.04     | Rendah             |
| 6   | perspektif positif mengenai agihan zakat                                | 1<br>(3.7)   | 9<br>(33.3)  | 17<br>(63.0)  | 1.41     | Rendah             |
| Min |                                                                         |              |              |               | 1.34     | Purata Rendah      |

Nota: ( ) peratusan daripada keseluruhan responden

Skala Tahap Persetujuan; < 1.44; Rendah; 1.45-2.28; Sederhana; >2.29 Tinggi

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

### **Maklum balas pesakit terhadap bantuan zakat perubatan di PPUKM:**

Berdasarkan Jadual 5, hasil daripada soal selidik yang dijalankan banyak maklumat yang diperolehi daripada responden mengenai bantuan yang diperlukan dan pandangan pesakit terhadap zakat perubatan PPUKM. Kajian ini dapat menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap bantuan zakat perubatan masih rendah. Kebanyakan responden tidak mengambil tahu mengenai bantuan yang diperuntukkan untuk bidang perubatan. Pemahaman mereka mengenai zakat ialah zakat hanya diberikan kepada mereka yang memerlukan dari segi ketidakmampuan dalam perniagaan, pertanian, pelajaran dan kehidupan seharian. Selain itu, maklumbalas juga mendapati para responden hanya mengetahui permohonan untuk bantuan perubatan hanya boleh dimohon di pusat kebajikan masyarakat sahaja. Responden juga, memahami bahawa zakat hanya diberikan kepada umat Islam sahaja berbanding bantuan lain terbuka kepada semua masyarakat tanpa mengira agama dan kaum.

**JADUAL 5:** Pandangan Pesakit PPUKM Terhadap Zakat Perubatan PPUKM

| Informan  | Maklum balas                                                                                                                                                                                              |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Informan1 | "...tak pernah tahu mengenai zakat perubatan. Macam mana zakat perubatan tu...?"                                                                                                                          |
| Informan2 | "...zakat perubatan pun ada ya? Saya ingatkan zakat fitrah dengan perniagaan sahaja..."                                                                                                                   |
| Informan3 | "...kalau ada kenapa saya tidak tahu. Saya pun orang kurang berkemampuan. Bantuan ini patut dipanjangkan dan disebarkan kepada orang diluar sana..."                                                      |
| Informan4 | "...saya tak tahu mengenai zakat perubatan. Kalau ada zakat perubatan mudah la lepas ni. Zakat hanya untuk orang Islam jadi cepat sikit terima bantuan. Bantuan lain ramai pemohon selain orang Islam..." |
| Informan5 | "...tak pernah dengar pun zakat perubatan. Kos perubatan mahal. Baguslah ada bantuan ni..."                                                                                                               |

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

Hasil kajian juga menganalisa bentuk bantuan yang diperlukan pesakit. Berdasarkan Jadual 6 kebanyakan pesakit menyatakan bahawa bentuk bantuan yang diperlukan ialah bantuan pembayaran bil perubatan. Bil perubatan yang sering berubah akibat rawatan yang diterima berbeza setiap kali hadir ke hospital ketika menerima rawatan mengakibatkan bil rawatan berbeza. Hal ini menyukarkan pesakit yang kurang berkemampuan. Bantuan lain yang diperlukan ialah bantuan ubatan dan bantuan kewangan untuk pembedahan. Responden ada menyatakan bantuan ubatan sangat diperlukan kerana ada di antara mereka yang perlu mengambil ubatan yang khusus dan pengambilan ubat sepanjang hayat dengan kos ubatan yang tinggi. Sebagai tambahan, doktor juga menyarankan pesakit mengambil makanan tambahan seperti vitamin, susu, buah-buahan dan makanan seimbang. Malah untuk pesakit yang mempunyai penyakit tertentu seperti *diabetis* memerlukan beras dan susu yang khusus berbeza dengan pesakit lain dengan harga yang mahal.

**JADUAL 6:** Maklum Balas Pesakit Terhadap Bentuk Agihan Perubatan yang Diperlukan

| Informan   | Maklum balas                                                                                  |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| Informan1  | "...bantuan yang saya perlukan sangat ialah bantuan pembayaran bil hospital..."               |
| Informan2  | "...bantuan ubatan yang sangat diperlukan. Ubat-ubat mahal..."                                |
| Informan3  | "...pembayaran bil hospital. Minggu lepas saya datang bayar bil harga lain minggu ni lain..." |
| Informan4  | "... bantuan kewangan untuk pembedahan..."                                                    |
| Informan 5 | "...bantuan ubatan. Kena beli makanan tambahan lain..."                                       |

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

Berdasarkan Jadual 7, hasil maklum balas juga mendapati kebanyakan responden bersetuju mengenai bantuan zakat merupakan pilihan utama dalam membuat permohonan bantuan. Bantuan zakat telah dikhususkan kepada umat Islam sahaja. Oleh itu, pemohon tidak perlu bersaing dengan pemohon yang bukan beragama Islam. Kepercayaan responden terhadap pusat zakat amat tinggi. Responden juga menyatakan bahawa institusi zakat merupakan badan yang berorganisasi dan sistematik. Oleh itu, bantuan dapat disalurkan dengan baik dan cekap. Pengurusan agihan zakat yang efisien oleh institusi zakat sangat memberi kesan yang besar kepada perkembangan institusi zakat, pembayar zakat, dan penerima zakat dalam pembangunan asnaf zakat.

**JADUAL 7:** Maklum Balas Mengenai Bantuan Zakat Menjadi Pilihan Utama Dalam Memohon Bantuan.

| Informan   | maklumbalas                                                                                                                      |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Informan1  | "...ya. Bantuan hanya untuk umat Islam. Mungkin permohonan akan dipercepatkan... tak campur dengan kaum lain..."                 |
| Informan2  | "...ya. Nampak sistematik kerana ada organisasi zakat yang membantu mengagihkan zakat..."                                        |
| Informan3  | "...tidak, saya memilih tabung kebajikan hospital kerana nama pun kebajikan hospital mestilah khusus untuk kebajikan pesakit..." |
| Informan 4 | "...ya..."                                                                                                                       |
| Informan5  | " ...tidak. Tabung kebajikan hospital..."                                                                                        |

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

**Maklum balas pesakit yang telah menerima bantuan zakat perubatan:**

Hasil kajian juga memperoleh seorang responden, Azhar bin Manap berumur 66 tahun yang menerima bantuan zakat perubatan PPUKM. Keadaan pesakit yang menghadapi lumpuh seluruh badan dan tidak bekerja membolehkan pesakit menerima bantuan zakat perubatan. Pesakit menghadapi penyakit kencing manis, darah tinggi dan jantung dan ditambah lagi pesakit kini lumpuh seluruh badan. Ketika di PPUKM pesakit telah menerima rawatan sebanyak lima kali sebulan mengikut hari yang telah ditetapkan. Bentuk bantuan yang diberikan ialah alat bantuan perubatan seperti katil, kerusi roda, ubatan dan alat bantuan pernafasan. Walaupun pesakit tidak menerima bantuan wang tunai, namun bantuan alat perubatan yang diterima amat diperlukan dan bermanfaat kepada pesakit. Tambahan pula, kos setiap alat perubatan amat tinggi dan sukar untuk mendapatkannya di farmasi di luar. Oleh itu, bantuan ini amat memudahkan pesakit. Pesakit telah menerima bantuan zakat perubatan selama tujuh bulan bermula pada bulan November 2017 hingga Mei 2018. Bil dan kos rawatan juga ditanggung sepenuhnya oleh pihak hospital. Pesakit juga sedang melalui rawatan fisioterapi di Hospital Rehabilitasi Cheras dan kos rawatan juga ditanggung sepenuhnya oleh dana zakat perubatan. Malah pesakit juga berada dalam keadaan yang lebih baik daripada sebelum menjalani rawatan kesihatan. Pesakit sangat berpuas hati dengan rawatan dan layanan yang diterima daripada pihak JKSP dan PPUKM.

**JADUAL 8:** Temubual Bersama Pesakit yang Menerima Bantuan Zakat Perubatan

| Item                                                             | Maklumbalas                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bagaimana anda mengetahui mengenai zakat perubatan PPUKM?        | .....melalui doktor dan staff PPUKM....                                                                                                                                                                              |
| Berapa tahun menerima zakat perubatan?                           | .....7 bulan (November- Mei).....                                                                                                                                                                                    |
| Apakah jenis bantuan yang diterima?                              | .....alatan perubatan seperti katil, kerusi roda, alat bantuan pernafasan dan ubatan.....                                                                                                                            |
| Berapakah nilai kos perubatan yang diterima?                     | .....nilai sebenar tidak tahu. Bantuan yang dapat ialah katil, kerusi roda, bantuan alat pernafasan. Bil rawatan percuma. Saya terima bantuan daripada JKM dan Baitulmal juga. Setiap satu bantuan RM350 sebulan.... |
| Adakah anda berpuas hati dengan bantuan zakat yang diterima?     | .....sangat berpuas hati. Zakat perubatan dapat merigankan bebanan pesakit.....                                                                                                                                      |
| Adakah bantuan zakat yang diterima mencukupi?                    | .....mencukupi....                                                                                                                                                                                                   |
| Adakah bantuan zakat perubatan sangat berkesan membantu pesakit? | ....Ya. Sangat membantu dalam meringankan bebanan kewangan. Saya dan isteri tidak bekerja dengan bantuan yang diterima meringankan bebanan kami.....                                                                 |
| Apakah cadangan terhadap bantuan zakat perubatan?                | .....mempercepatkan proses permohonan borang. Banyak dokumen yang diperlukan dan mengambil masa untuk menyediakannya.....                                                                                            |

**Sumber:** Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kos perubatan yang sangat tinggi akan menyukarkan pesakit asnaf menerima rawatan yang baik. Bantuan zakat perubatan merupakan satu inisiatif yang baik dan berkesan kepada asnaf dan dapat meringankan bebanan pesakit asnaf. Hasil kajian mendapati 96.3 peratus responden tidak mengetahui mengenai bantuan dana zakat perubatan. Hal ini dapat disokong dengan respon pesakit terhadap kewujudan tabung bantuan zakat perubatan di PPUKM di tahap rendah dengan purata min sebanyak 1.40 seperti di Jadual 4.

Bersesuaian dengan desakan ekonomi yang semakin meningkat dan keperluan semasa bantuan zakat perubatan memainkan peranan penting kerana dapat meringankan beban kewangan. Kajian ini mencadangkan agar institusi zakat dapat menambahkan peruntukan dana zakat bagi membolehkan ramai lagi pesakit mendapatkan bantuan. Seterusnya, akan dapat meningkatkan jumlah bantuan yang diterima pesakit terutama kepada pesakit kronik. Di samping itu, kajian juga mencadangkan agar pihak LZS membenarkan bantuan dana zakat diberi kepada asnaf yang bukan rakyat Selangor. LZS telah menghadkan bantuan zakat hanya diberikan kepada rakyat negeri Selangor berbeza dengan MAIWP yang membenarkan asnaf negeri lain menerima bantuan dari dana zakat MAIWP.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan agar pihak PPUKM menghebahkan maklumat kepada pesakit mengenai bantuan yang ada di PPUKM. Antara cadangan untuk memperkasakan zakat perubatan ialah kempen kesedaran bantuan hospital. Kempen kesedaran ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai dasar, perkhidmatan, program, dan aktiviti bantuan yang telah dijalankan pihak hospital. Kempen ini boleh dijalankan dengan pengagihan risalah kepada pesakit dan meletakkan poster berkaitan bantuan perubatan yang disediakan di PPUKM di sekitar kawasan hospital. Cadangan lain ialah penghebahkan bantuan melalui media massa seperti radio, televisyen dan media sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram*. Melalui medium ini penularan maklumat akan lebih pantas dan akan sampai kepada keseluruhan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada tahun 2016 mendapati 96.5 peratus daripada responden memiliki akaun *Facebook* dan 89.3 peratus pengguna telefon pintar untuk mengakses internet. Oleh itu, masyarakat akan mendapat maklumat berkaitan bantuan yang ada di hospital dengan pantas dan tepat.

Di samping itu, melalui respon pesakit yang menerima bantuan zakat perubatan mengenai pelbagai dokumen yang diperlukan dan mengambil masa yang lama untuk proses pengesahan, kajian mencadangkan agar pihak JKSP menambahbaik tahap pengurusan yang sedia ada agar dapat bergerak dengan lebih cekap dan efisien pada masa akan datang. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan daripada pihak JKSP daripada aspek penilaian dan pengesahan, kajian mendapati proses penilaian dan pengesahan sebenarnya tidak mengambil tempoh masa yang lama jika pesakit memberi maklumat dan dokumen yang lengkap kepada pihak JKSP. Masalah ini sering terjadi di pihak JKSP dimana mereka terpaksa menunggu, membuat panggilan dan hadir ke rumah pemohon untuk mendapatkan maklumat yang lengkap yang menunjukkan pihak JKSP sangat perihatin dan ingin membantu para pesakit yang layak untuk mendapatkan bantuan zakat tersebut. Justeru pesakit yang membuat permohonan perlu cakna dan prihatin terhadap permohonan yang dibuat supaya mereka mendapat pengesahan bantuan dengan cepat dan meneruskan rawatan kesihatan dan ini akan memudahkan pihak JKSP memproses dengan cepat permohonan mereka. Bagi pesakit yang tidak mengetahui bantuan yang ada, disarankan agar pesakit atau ahli keluarga pesakit lebih proaktif untuk mencari maklumat mengenai bantuan kewangan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, institusi kebajikan seperti zakat serta pelbagai tabung yang wujud di hospital. Di hospital sebenarnya telah diwujudkan satu kaunter pertanyaan yang membolehkan para pesakit bertanya mengenai pelbagai jenis bantuan yang disediakan dan mendapatkan nasihat yang sebenar berkaitan pelbagai masalah yang dihadapi terutamanya berkaitan aspek kewangan dan kos rawatan. Pihak hospital akan sentiasa membantu dan memberi kerjasama yang baik kepada pesakit yang memerlukan bantuan tersebut.

Kajian ini juga mendapati hubungan yang baik dan harmoni antara institusi zakat dan hospital akan memberi kesan dan pulangan yang positif

kepada semua pihak terutamanya asnaf zakat. Kaedah lokalisasi iaitu proses penurunan kuasa atau desentralisasi kuasa kepada setiap hospital akan memudahkan institusi zakat mengagihkan zakat kepada sasaran asnaf zakat secara cekap dan efisien. Kaedah lokalisasi yang diwujudkan mampu memberikan bantuan dengan lebih tepat kepada golongan sasaran kerana hospital lebih dekat dengan pesakit dan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai keadaan penyakit dan pesakit kerana berhubung terus dengan doktor yang merawat. Kelebihan dalam kaedah lokalisasi ini dilihat dari aspek proses dan pengagihan zakat perubatan dimana proses birokrasi dapat dikurangkan. JKSP telah menjalankan pengagihan dengan rasa tanggungjawab, adil dan amanah. Proses yang teliti dan teratur menyebabkan bantuan dapat diagihkan kepada golongan sasaran dengan baik. Proses yang diambil untuk pengesahan adalah sehari sehingga dua minggu. Proses pengesahan ini berlaku dengan cepat kerana mempunyai dokumen yang lengkap dan seterusnya dapat mempercepatkan proses pemulihan dan rawatan pesakit.

Bantuan zakat perubatan PPUKM juga dapat dilihat dapat mengurangkan kerenah birokrasi masyarakat. Masalah yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat ialah mengenai proses permohonan bantuan dan pengurusan yang lambat dan tidak teratur menyebabkan asnaf yang layak terlepas bantuan yang dimohon. Di hospital pesakit akan diuruskan oleh pegawai JKSP menjadikan proses penilaian dan penerimaan lebih cepat dan cekap. Hasil kerjasama ini akan membantu pengagihan zakat lebih berkesan dan diberi kepada golongan asnaf yang memerlukan. Hasil kerjasama ini juga dapat meningkatkan imej institusi zakat dan hospital. Kedudukan hospital bukan sahaja dilihat sebagai institusi untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada pesakit malah sebagai institusi pembentukan dan penyatuan umat Islam dengan pemberian zakat perubatan kepada pihak yang memerlukan. Manakala pusat zakat pula dilihat dapat mengagihkan zakat dengan lebih luas dan berkesan kepada seluruh kawasan yang sukar dicapai dan dikesan. Hal ini juga diharapkan dapat memulihkan imej institusi zakat di kaca mata masyarakat yang akhirnya akan meningkatkan kepercayaan kepada pembayar zakat untuk terus membayar zakat secara formal kepada institusi zakat.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa bantuan zakat perubatan di hospital banyak membantu pesakit asnaf. Dengan pelaksanaan zakat perubatan ini dapat memberi peluang dan membantu asnaf yang memerlukan pembiayaan kos perubatan dalam mendapatkan rawatan dan ubatan yang berkualiti untuk merawat penyakit mereka. Kajian ini menunjukkan kesan positif kepada responden yang menerima bantuan zakat. Banyak bantuan yang diterima dapat meringankan beban kewangan. Malah keseluruhan rawatan ditanggung oleh dana zakat. Responden yang tidak mengetahui kewujudan bantuan zakat kini, lebih cakna dengan bantuan-bantuan lain yang ada di PPUKM dan sedia berkongsi pengetahuan mengenai bantuan zakat kepada mereka yang memerlukan pada masa akan datang. Usaha-usaha semua institusi zakat amat bermakna kepada mereka yang memerlukan. Atas semua usaha murni ini akan dapat membantu menjaga imej institusi zakat malah dapat mengurangkan kritikan dan mengangkat imej institusi zakat. Selain itu, dapat menggalakkan agar masyarakat mambayar zakat secara formal seterusnya dapat membantu lebih ramai yang memerlukan. Dalam masa yang sama zakat juga bertindak sebagai medium dakwah. Hal ini merupakan kelebihan kepada umat Islam berbeza dengan agama lain. Secara umumnya, masyarakat bukan Islam menolak Islam bukan kerana agama itu sendiri tetapi disebabkan oleh sikap umat Islam menyebabkan mereka bersangka buruk terhadap agama Islam. Namun, melalui dakwah *bil mal* iaitu berdakwah melalui harta, mereka akan melihat dengan pandangan yang lebih terbuka mengenai kesempurnaan Islam. Ianya merupakan usaha dakwah yang dilakukan melalui gerak kerja berbentuk kebajikan dengan membantu pesakit yang memerlukan bantuan dari pelbagai aspek.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Ahmad Hidayat Buang. (2000). Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Jurnal Syariah* 8 (2): 89-102.
- Eza Ellany, A.L, Mohd Rizal, P. & Mohamad Sabri, H. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (2): 51-60.
- Fatin Armila, R., Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2015). *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia. Cadangan Lokalisasi Tadbir Urus Pengurusan Zakat dan Peranan Institusi Masjid: Kajian Terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor di Institusi Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.*
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2012). Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia: Adakah Amil Sudah Bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46 (2): 17-27.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1): (hlm. 141-170).
- Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (2): 41-50.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M.N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup Asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151-
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Shariah Journal* 17(1): 89-112.
- Lembaga Zakat Selangor, 'pengertian zakat', <http://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/pengertian-zakat/>, dicapai pada 13 Julai 2018

- Laporan Ringkasan Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor. Disember, (2016).
- Mila Sartika, (2008). *Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Surakarta*. La Riba Jurnal Ekonomi Islam Vol. II, No. 1, Juli 2008.
- Mohd Yusof, I. Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2016). Pengagihan Zakat Perubatan Di Malaysia: Peranan Bank Rakyat.
- Muhammad Hafiz, H. Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2016). Keberkesanan Agihan Zakat Perubatan Oleh Institusi Zakat: Kajian Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dalam Salmy Edawaty et. al. (penyt.) Prosiding Seminar Kebangsaan Emas dalam Institusi Kewangan di Malaysia. Bangi: Jabatan Syariah UKM
- Muhammad Syukri Salleh. (2006) Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed, G.K (2007) Financing health care in Sudan: Is it a time for the abolishing of user charges? *Sudanese Journal of Public Health*, 2(1), 38-47
- Nur Aliah, Zulaikha & Hairunnizam (2017) Persepsi asnaf zakat al-gharimin (perubatan) terhadap kaedah agihan zakat oleh lembaga zakat Selangor: kajian di Gombak, *Jurnal Muamalat*, 10, 146-168.
- Suhaib, A.Q (2009) Contribution of zakat in the social development of Pakistan. *Pakistan journal of social science*, 29 (2), 313-334
- Zurina, Fuadah, Nursilah, Nurazira, & Azlan. (2017) Factors Affecting Quality of Life of Medical Assistance Recipients of Zakat Fund in Malaysia *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 25(1), 125-140.
- 10 SEPTEMBER 2013. <http://www.sinarharian.com.my>. Kos perubatan negara meningkat 10 peratus